



SEBAK: Cheng mewakili mendiang anaknya menerima Ijazah PhD daripada Juhar.

Ibu sebak terima PhD mendiang anak

UB 27.06.2022 P.06

Ng Yi Ming hidap penyakit jantung lebih 20 tahun

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Seorang ibu terharu mendengar nama mendiang anaknya, Ng Yi Ming, 35, graduan Ijazah Doktor Falsafah (PhD), diumumkan di pentas Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-23, di sini semalam.

Ng Yi Ming yang sempat menghabiskan pengajian PhD dalam bidang psikologi meninggal dunia tahun lalu akibat masalah jantung.

Cheng Lak Mooi, 65, ibu mendiang menerima ijazah PhD bagi pihak anaknya yang disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin.

Beliau sangat gembira kerana dapat memenuhi

hasrat anaknya untuk hadir dan menerima PhD bagi pihaknya.

“Sebelum menerima PhD, dia juga menerima Ijazah Sarjana Muda Kepujian Psikologi Industri dan Organisasi di UMS, dan Ijazah Sarjana Sains Psikologi Perkembangan Kanak-kanak dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Anak saya seorang yang rajin dan cekal, kami sangat berbangga kerana dia berjaya melangkah sangat jauh sehingga ke tahap ini walaupun sedang menderita penyakit jantung,” katanya.

Cheng turut menceritakan yang mendiang membuat pembentangan Viva pada 21 Januari 2021 dan diberikan tempoh selama tiga bulan untuk membuat pembetulan

tesis sebelum dihantar.

Bercerita mengenai penyakit jantung yang dihidapi anaknya, Cheng berkata, mendiang pernah menjalani rawatan pembedahan penggantian injap pada September 2014.

“Setelah menjalani pembedahan besar yang berisiko tinggi itu, mendiang sering mengalami masalah ‘heart palpitations’.

“Dia menghembuskan nafas terakhir pada 21 Februari 2021 setelah lebih 20 tahun menderita penyakit mitral valve prolapse,” katanya.

Mendiang dianugerahkan ijazah secara anumerta dan salah seorang daripada 77 penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang dirai pada Majlis Konvokesyen UMS ke-23.